

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE  
(PETALING JAYA UTARA)**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 08.03.2017**

**Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [ PETALING JAYA UTARA ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai aset-aset hartanah yang diambil-alih daripada 1MDB dan "consideration" yang dibayar kepada 1MDB. Adakah MOF mengambil-alih pinjaman berkaitan dengan aset tersebut, termasuk pinjaman SOCSO RM800 juta dan sukuk RM2.4 bilion.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) pada 7 April 2016 telah mengeluarkan laporan menyeluruh mengenai 1MDB yang bertajuk "Kawalan Pengurusan Tadbir Urus 1Malaysia Development

Berhad (1MDB)”. Laporan ini telah dibentangkan kepada semua ahli Yang Berhormat di Parlimen dan boleh dimuat turun dari laman web PAC.

Tuan Yang Dipertua,

Perkara 5 dalam muka surat 106 laporan tersebut menyatakan bahawa “Anak-anak syarikat dan aset milik kumpulan 1MDB (TRX, Bandar Malaysia, tanah Air Itam, tanah Pulau Indah) seharusnya diserahkan kepada MKD, supaya dapat dikawal selia dan diuruskan dengan lebih rapi dan teliti”.

Walaupun pihak PAC telah menyarankan penyerahan aset 1MDB kepada MKD, ia tidak menyatakan apa-apa saranan mengenai hutang dan tanggungan yang masih tinggal di dalam 1MDB. Pihak Kementerian Kewangan masih belum lagi memuktamadkan kaedah terbaik dan “*consideration*” yang sewajarnya sebagai balasan untuk penyerahan aset tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Muka surat 81 laporan PAC juga turut memperincikan bagaimana

pinjaman SOCSO sebanyak RM800 juta oleh TRX City Sdn Bhd dan sukuk sebanyak RM2.4 bilion oleh Bandar Malaysia Sdn Bhd akan diuruskan, di mana ia akan kekal ditanggung oleh aliran tunai projek TRX dan projek Bandar Malaysia.